

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG**  
**[ MIRI ]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a. langkah-langkah yang diambil Kementerian bagi menambah laluan keluar masuk ke Hospital Umum Miri memandangkan hanya ada satu sahaja laluan keluar masuk ke Hospital tersebut; dan
- b. progres pembinaan tambahan dua bilik bedah baru Hospital Miri yang mengalami kelewatan sehingga kini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a. Kementerian memahami keperluan untuk menambah laluan keluar masuk ke Hospital Umum Miri. Buat masa ini, perkara tersebut sedang dalam proses perbincangan antara pihak hospital Miri dengan pihak JKR dan Majlis Bandaraya Miri. Cadangan laluan tersebut adalah melibatkan juga kawasan di luar hospital dan perlu mengambil kira keselamatan pengguna jalan raya jika dilaksanakan kelak.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- b. Terima kasih atas soalan yang telah dikemukakan. Untuk makluman ahli dewan, Kerja-kerja pembinaan bagi projek ini telah bermula pada 18 Januari 2012 dimana kontraktor pertama yang dilantik telah ditamatkan kontraknya pada 19 Februari 2013 dan projek ini telah ditender semula. Proses pemilihan kontraktor penyiap dibuat berdasarkan prosedur perolehan kerajaan dan kontraktor yang terpilih merupakan kontraktor daripada senarai kontraktor berwibawa di Sarawak yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Namun di atas faktor-faktor masalah pengurusan dan kewangan pihak kontraktor, kemajuan pembinaan di tapak sangat perlahan sehingga projek ini mengalami kelewatan dan dijangka tidak dapat disiapkan dalam tempoh sepertimana yang dijadualkan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sukacita dimaklumkan bahawa, Pihak KKM telah berusaha dengan sedaya upaya bagi memastikan projek ini dapat disiapkan dengan seberapa segera. Tindakan yang diambil oleh pihak KKM adalah dengan membuat proses pembayaran Interim sebanyak dua (2) kali sebulan. Pemantauan juga telah dijalankan dengan lebih kerap dimana mesyuarat dijalankan sebanyak 2 kali sebulan dan pihak kontraktor diminta untuk membuat laporan kemajuan projek pada setiap minggu. Adalah dijangkakan projek ini akan dapat disiapkan pada bulan oktober tahun ini.